SISTEM PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN NEGERI (iSPEKS)

PENTADBIRAN PENGGUNA iSPEKS

(Polisi dan Prosedur V3.0)

KAWALAN DOKUMEN: Untuk kegunaan iSPEKS sahaja. Salinan dan simpanan dokumen ini dibenarkan kepada Pengguna iSPEKS sahaja. Pihak ketiga yang ingin menggunakan dokumen ini sebagai rujukan perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia terlebih dahulu.

DISEDIAKAN OLEH:

SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT
BAHAGIAN KHIDMAT PERUNDING
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

KAWALAN DOKUMEN

VERSI	TARIKH KEMAS KINI	CATATAN PERUBAHAN DOKUMEN
1.0	16 November 2017	Edaran Versi Pertama ke negeri pilot (Johor, Perlis, Kedah dan Perak)
2.0	30 Ogos 2019	Pindaan dokumen melibatkan perkara-perkara berikut: (a) Penambahbaikan Borang Pentadbiran Pengguna dengan menyediakan set borang yang berasingan untuk peringkat PTJ biasa, PTJ di BN & PKN dan Pentadbir Sistem. Tujuan pengasingan borang adalah untuk meminimumkan kesilapan pengguna untuk memilih modul, peranan dan peringkat yang berkaitan. (b) Penambahan Kod Jabatan dan PTJ bagi Selangor dan Negeri Sembilan.
2.1	28 November 2019	Pindaan dokumen melibatkan perkara-perkara berikut: (a) Penambahan Kod Jabatan dan PTJ bagi Melaka dan Pulau Pinang.
2.2	13 Mac 2020	Pindaan dokumen melibatkan perkara-perkara berikut: (a) Penambahan Kod Jabatan dan PTJ bagi Terengganu
2.3	3 April 2020	Pindaan dokumen melibatkan perkara-perkara berikut: (a) Penambahan Kod Jabatan dan PTJ bagi Kelantan dan Pahang
3.0	17 September 2020	Pindaan dokumen melibatkan polisi, prosedur dan proses baharu berdasarkan *Change Request* (CR) iSPEKS berikut: (a) CR-SAM-002 Pengurusan Tugasan (Pending Task); dan (b) CR-SAM-003 Penambahbaikan Kawalan Keselamatan iSPEKS

SENARAI AGIHAN DOKUMEN

BIL	NAMA / AGENSI	JAWATAN
BAHAGIAN KHIDMAT PERUNDING, JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA		
1	Muniandy A/L Govindasamy	Pengarah BKP / Pengarah Projek
2	Anishah Binti Abd Wahid	Pengarah Projek
3	Sarifah Izura Binti Syed Aris	Pengurus Projek
4	Kosong	Pengurus Projek (Teknikal)
5	Juliyana Binti Abd Rahim	Ketua Modul
6	Rose Fariza Binti Ramlee	Ketua Modul
7	Mazlina Binti Hashim	Ketua Modul
8	Siti Rohani binti Abd Rashid	Ketua Modul
9	Norazlina binti Annuar	Ketua Modul
10	Fairahanis binti Serat	Ketua Modul
11	Muhammad Azhar Fairuzz Hiloh	Ketua Modul
KERAJAAN NEGERI		
12	Perbendaharaan Negeri Perlis	Bendahari Negeri
13	Perbendaharaan Negeri Kedah	Bendahari Negeri
14	Perbendaharaan Negeri Pulau Pinang	Bendahari Negeri
15	Perbendaharaan Negeri Perak	Bendahari Negeri
16	Perbendaharaan Negeri Selangor	Bendahari Negeri
17	Perbendaharaan Negeri Negeri Sembilan	Bendahari Negeri
18	Perbendaharaan Negeri Melaka	Bendahari Negeri
19	Perbendaharaan Negeri Johor	Bendahari Negeri
20	Perbendaharaan Negeri Pahang	Akauntan Negeri
21	Perbendaharaan Negeri Terengganu	Bendahari Negeri
22	Perbendaharaan Negeri Kelantan	Bendahari Negeri
PEMBEKAL APLIKASI		
23	Azeman Bin Abdullah	Pengurus Projek
24	Moktaeffendi Bin Misrat	*Solution Architect*
25	Romaizah Binti Mat Zain	*System Consultant*
26	Pn. Nur Hazirah Binti Abd Aziz	*System Analyst*

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Kawalan Dokumen i
Senarai Agihan Dokumen ii
Isi Kandungan iii
Senarai Rajah vi
Senarai Jadual vii
Senarai Akronim viii

BAHAGIAN 1 – POLISI DAN PROSEDUR PENTADBIRAN PENGGUNA iSPEKS

1.0 Pendahuluan **1**
1.1 Pengenalan Dokumen 1
1.2 Latar Belakang Pentadbiran dan Kawalan Keselamatan iSPEKS 1
2.0 Polisi dan Prosedur Pentadbiran Pengguna **2**
2.1 Pematuhan Polisi dan Prosedur Pentadbiran Pengguna iSPEKS 2
2.1.1 Pematuhan 2
2.1.2 Keperluan Minimum Pentadbiran Penguna 2
2.1.3 Kawalan Pematuhan Polisi oleh Bendahari Negeri 2
2.1.4 Tanggungjawab Pengguna 2
2.1.5 Kelulusan Pentadbiran Pengguna 2
2.2 Peranan Pengguna 3
2.2.1 Penyedia 3
2.2.2 Penyemak 3
2.2.3 Pengesah 3
2.2.4 Pelulus 3
2.2.5 Pentadbir Sistem 3
2.3 Polisi Pentadbiran Pengguna 3
2.3.1 Pentadbiran Profil Pengguna iSPEKS 3
2.3.2 ID Pengguna 4
2.3.3 Kata Laluan 4
2.3.4 Kerahsiaan Identiti 4
2.3.5 Dua Faktor Pengesahan 4
2.3.6 Bilangan Cubaan Log Masuk 4
2.3.7 Penetapan Semula Kata Laluan 4
2.3.8 Pengaktifan Profil Pengguna 4
2.3.9 Sekatan Capaian Pengguna 5
2.3.10 Maklumat Log Masuk 5
2.3.11 Soalan Keselamatan 5
2.3.12 Bilangan Cubaan Soalan Keselamatan 5
2.3.13 Pengasingan Tugasan dan Peranan 6
2.3.14 Penggunaan Emel Rasmi Pengguna 6
2.3.15 Capaian Pengguna 6
2.3.16 Pengurusan Tugasan 6
2.3.17 Entiti dalam Pentadbiran Pengguna 7

2.3.18 Kelulusan Pemegang Waran Peruntukan 7
2.4 Prosedur Pentadbiran Pengguna iSPEKS 7
2.4.1 Pentadbiran Profil Pengguna iSPEKS 8
2.4.2 Pentadbiran Profil Pentadbir Sistem iSPEKS..... 8
2.4.3 Nyah Aktif Profil Pengguna 8
2.4.4 Penetapan Semula Kata Laluan..... 8
3.0 Pegawai Perhubungan **8**
3.1 Penyelaras Pentadbiran Pengguna iSPEKS 8
3.2 Pelaksanaan Pentadbiran Pengguna iSPEKS 9
4.0 Penutup **9**

BAHAGIAN 2 – LAMPIRAN

Lampiran 1A Prosedur Pentadbiran Profil Pengguna iSPEKS 10
Lampiran 1B Prosedur Pengaktifan Profil Pengguna iSPEKS 13
Lampiran 1C (1) Prosedur Sekatan Profil Pengguna (Melebihi Bilangan Cubaan Log Masuk dan Soalan Keselamatan)..... 15
Lampiran 1C (2) Prosedur Sekatan Profil Pengguna (Tidak Aktif dalam Tempoh yang Dibenarkan) 17
Lampiran 1C (3) Prosedur Sekatan Profil Pengguna (Arahan Sekatan) 19
Lampiran 1D Prosedur Nyah Aktif Profil Pengguna (Tamat Perkhidmatan atau Bukan Lagi Pengguna iSPEKS)..... 21
Lampiran 1E Prosedur Penetapan Semula Kata Laluan 23
Lampiran 2A Senarai Perhubungan Penyelaras di BKP JANM 25
Lampiran 2B Senarai Perhubungan Pelaksanaan di Perbendaharaan Negeri 27
Lampiran 3A Panduan Borang Pentadbiran Pengguna 29
Lampiran 3A (1) Borang Pentadbiran Pengguna iSPEKS Peringkat PKN dan BN Sahaja..... 36
Lampiran 3A (2) Borang Pentadbiran Pengguna iSPEKS Peringkat JAB dan PTJ Sahaja..... 39
Lampiran 3A (3) Senarai Proses dalam Modul Pendahuluan dan Tuntutan (AC) 42
Lampiran 3A (4) Senarai Proses dalam Modul Pengurusan Aset dan Inventori (AIM) 43
Lampiran 3A (5) Senarai Proses dalam Modul Akaun Belum Bayar (AP) 45
Lampiran 3A (6) Senarai Proses dalam Modul Akaun Belum Terima (AR) 46
Lampiran 3A (7) Senarai Proses dalam Modul Bajet (BA) 47
Lampiran 3A (8) Senarai Proses dalam Modul Pengurusan Tunai (CM) 49
Lampiran 3A (9) Senarai Proses dalam Modul Pengurusan Kontrak (COM) 51
Lampiran 3A (10) Senarai Proses dalam Modul Lejar Am (GL) 52
Lampiran 3A (11) Senarai Proses dalam Modul Pelaburan (INV) 54
Lampiran 3A (12) Senarai Proses dalam Modul Pinjaman (LN) 56
Lampiran 3A (13) Senarai Proses dalam Modul Perolehan (PROC) 58
Lampiran 3A (14) Senarai Proses dalam Modul Gaji (PY) 59
Lampiran 3A (15) Senarai Proses dalam Modul Pinjaman Kakitangan (SL) 61
Lampiran 3A (16) Senarai Proses dalam Modul Pentadbiran dan Keselamatan (SAM) 62
Lampiran 3B Panduan Borang Pentadbiran Pentadbir Sistem..... 63
Lampiran 3B (1) Borang Pentadbiran Pengguna iSPEKS Pentadbir Sistem Sahaja..... 69
Lampiran 3C (1) Senarai Kod Jabatan dan PTJ Johor 71

Lampiran 3C (2)	Senarai Kod Jabatan dan PTJ Perlis	80
Lampiran 3C (3)	Senarai Kod Jabatan dan PTJ Kedah	83
Lampiran 3C (4)	Senarai Kod Jabatan dan PTJ Perak	89
Lampiran 3C (5)	Senarai Kod Jabatan dan PTJ Selangor	95
Lampiran 3C (6)	Senarai Kod Jabatan dan PTJ Negeri Sembilan.....	100
Lampiran 3C (7)	Senarai Kod Jabatan dan PTJ Melaka	105
Lampiran 3C (8)	Senarai Kod Jabatan dan PTJ Pulau Pinang	107
Lampiran 3C (9)	Senarai Kod Jabatan dan PTJ Terengganu	116
Lampiran 3C (10)	Senarai Kod Jabatan dan PTJ Kelantan	120
Lampiran 3C (11)	Senarai Kod Jabatan dan PTJ Pahang	124

SENARAI RAJAH

RAJAH	MUKA SURAT
- TIADA RAJAH	

SENARAI JADUAL

RAJAH	MUKA SURAT
- TIADA RAJAH	

SENARAI AKRONIM

TERMA	KETERANGAN
AN	Akauntan Negeri
BKP	Bahagian Khidmat Perunding, JANM
BN	Bendahari Negeri
ICT	*Information and Communication Tekcnology*
ID	*Identification or identity*
iSPEKS	Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri
JAB	Jabatan
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia
PTJ	Pusat Tanggungjawab
PKI	*Public Key Infrastructure*
PKN	Pegawai Kewangan Negeri
SAM	Modul *Security and Management* iSPEKS
SPANM	Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia
SPEKS	Sistem Perakaunan Standad Berkomputer Kerajaan Negeri

POLISI DAN PROSEDUR PENTADBIRAN PENGGUNA iSPEKS

1.0 PENDAHULUAN

Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS) dibangunkan selaras dengan transformasi landskap perakaunan Kerajaan Negeri daripada asas-tunai kepada asas-akruan. iSPEKS akan menggantikan sistem perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri sedia ada iaitu Sistem Perakaunan Standad Berkomputer Kerajaan Negeri (SPEKS). Peralihan sistem perakaunan dan kewangan ini turut melibatkan penambahbaikan kepada pentadbiran dan keselamatan sistem. Pengurusan profil pengguna direkabentuk agar lebih rasional dan mematuhi keperluan keselamatan yang digariskan oleh Kerajaan dan industri semasa.

1.1 Pengenalan Dokumen

Dokumen ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Kerajaan Negeri dalam urusan pentadbiran pengguna iSPEKS.

1.2 Latar Belakang Pentadbiran dan Kawalan Keselamatan iSPEKS

Pentadbiran pengguna adalah aspek penting dalam pelaksanaan iSPEKS. Sebagai sistem yang menguruskan aset kritikal Kerajaan iaitu data kewangan dan perakaunan, iSPEKS perlu dilengkapkan dengan pentadbiran pengguna yang kukuh agar kerahsiaan dan integriti data sulit Kerajaan sentiasa terpelihara. Pentadbiran dan kawalan keselamatan pengguna dalam iSPEKS diuruskan dalam Modul *Security and Administration* (SAM). Pematuhan kepada polisi pengguna iSPEKS ditetapkan dalam modul ini.

Di samping pentadbiran pengguna, Modul SAM turut menguruskan penyelarasan kod-kod yang digunapakai dalam mentadbir modul-modul lain. Objektif utama pengurusan ini adalah untuk memastikan keseragaman parameter dalam iSPEKS bagi mengelakkan duplikasi data dan memudahkan penjanaan laporan kewangan Kerajaan.

2.0 POLISI DAN PROSEDUR PENTADBIRAN PENGGUNA

Pentadbiran pengguna adalah aspek penting dalam kawalan keselamatan capaian ke iSPEKS. Objektif utama pentadbiran pengguna adalah untuk memastikan hanya pengguna berdaftar yang diperakui oleh Pegawai Pegawal sahaja dibenarkan membuat capaian dan melaksanakan transaksi dalam iSPEKS. Bahagian berikutnya menerangkan polisi dan prosedur yang perlu dipatuhi dalam pentadbiran pengguna iSPEKS di Kerajaan Negeri.

2.1 Pematuhan Polisi Dan Prosedur Pentadbiran Pengguna iSPEKS

2.1.1	Pematuhan	Polisi dan Pentadbiran Pengguna iSPEKS adalah sejajar dengan Arahan Teknologi Maklumat 2007 yang dikeluarkan oleh MAMPU, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 6 Tahun 2018 dan pendekatan kawalan keselamatan sistem dalam industri semasa ICT.
2.1.2	Keperluan Mininum Pentadbiran Pengguna	Dokumen ini menerangkan keperluan minimum polisi dan pentadbiran pengguna yang perlu dipatuhi dalam pelaksanaan iSPEKS. Justeru itu, sekiranya terdapat percanggahan yang tidak mematuhi keperluan minimum dalam pelaksanaan iSPEKS di negeri, **Kerajaan Negeri perlu mengemukakan dokumen polisi dan prosedur lain yang diperakukan oleh badan keselamatan ICT negeri.**
2.1.3	Kawalan Pematuhan Polisi oleh Bendahari Negeri	Bendahari Negeri perlu memastikan pendaftaran dan pengurusan capaian pengguna adalah mematuhi polisi dan prosedur Pentadbiran Pengguna iSPEKS. **Sekiranya terdapat polisi atau prosedur yang tidak dikawal melalui fungsi dalam iSPEKS, maka kawalan perlu dilaksanakan secara manual.**
2.1.4	Tanggungjawab Pengguna	Pengguna adalah bertanggungjawab untuk memelihara integriti dan kerahsiaan data kewangan Kerajaan. Pengguna juga perlu melaksanakan transaksi di iSPEKS mengikut Capaian yang ditetapkan sahaja. **Sekiranya terdapat polisi atau prosedur yang tidak dikawal melalui fungsi dalam iSPEKS, maka pengguna adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan transaksi mengikut skop tugasan yang diluluskan oleh Pemegang Waran Peruntukan dan Perbendaharaan Negeri.**
2.1.5	Kelulusan Pentadbiran Pengguna	Pendaftaran dan pengurusan capaian pengguna adalah tertakluk kepada kelulusan berikut: (a) **Pemegang Waran Peruntukan**, Pegawai Pengawal atau pegawai yang dibenarkan mengikut SPANM Bilangan 6 Tahun 2018. (b) **Bendahari Negeri/Akauntan Negeri** berhak untuk meluluskan sesuatu permohonan capaian, meminda capaian dan had kelulusan pengguna mengikut had akses perlu sahaja.

2.2 Peranan Pengguna

Terdapat lima (5) peranan pengguna yang melaksanakan transasksi dalam iSPEKS. Keterangan peranan pengguna beserta skop tanggungjawab adalah seperti berikut:

2.2.1	Penyedia	Peranan dan tanggungjawab Penyedia adalah seperti berikut: (a) Mengunci masuk data transaksi kewangan ke dalam iSPEKS. (b) Menyediakan dokumen yang diperlukan dalam transaksi kewangan.
2.2.2	Penyemak	Peranan dan tanggungjawab Penyemak adalah seperti berikut: (a) Menyemak data transaksi kewangan yang dikunci masuk oleh Penyedia adalah tepat. (b) Menyemak dan memastikan dokumen kewangan yang diperlukan dalam sesuatu transaksi adalah mencukupi dan mematuhi peraturan kewangan.
2.2.3	Pelulus	Peranan dan tanggungjawab Penyemak adalah seperti berikut: (a) Menyemak dan meluluskan transaksi kewangan. (b) Memastikan data kewangan adalah tepat dan mematuhi prosedur kewangan.
2.2.4	Pengesah	Peranan dan tanggungjawab Pengesah adalah seperti berikut: (a) Mengesahkan transaksi adalah mematuhi prosedur dan pekeliling kewangan yang berkuatkuasa. (b) Memastikan Kod Perakaunan yang digunakan dalam transaksi kewangan adalah tepat.
2.2.5	Pentadbir Sistem	Peranan dan tanggungjawab Pentadbir Sistem adalah seperti berikut: (c) Mentadbir profil pengguna iSPEKS yang telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal dan Bendahari Negeri. (d) Mentadbir kawalan parameter yang digunakan dalam iSPEKS. (e) Tidak boleh mempunyai peranan sebagai Penyedia, Penyemak atau Pelulus dalam iSPEKS.

2.3 Polisi Pentadbiran Pengguna iSPEKS

Kawalan capaian pengguna adalah faktor penting dalam memastikan kerahsiaan dan integriti data kewangan dan perakauan iSPEKS sentiasa terpelihara. Oleh itu, perkara-perkara berikut perlu dipatuhi dalam pentadbiran pengguna iSPEKS.

2.3.1	Pentadbiran Profil Pengguna iSPEKS	Pentadbiran profil pengguna iSPEKS meliputi tiga (3) proses utama berikut: (a) Pendaftaran pengguna baharu. (b) Pengemaskinian maklumat pengguna yang meliputi perkara-perkara berikut:

(i) Pindaan data peribadi pengguna;
(ii) Kemas kini status pengguna (aktif atau tidak aktif);
(iii) Pindaan nilai Had Kelulusan. Terma Had Kelulusan merujuk kepada nilai yang dibenarkan bagi seseorang Pelulus untuk meluluskan transaksi kewangan; dan
(iv) Pengurusan Capaian pengguna meliputi penambahan Capaian baharu, nyah aktif Capaian sedia ada atau pengktifan semula Capaian tidak aktif (rujuk Perkara 2.3.15 bagi keterangan lanjut maklumat Capaian).

(c) Penamatan ID Pengguna. Pengguna yang tidak lagi berkhidmat dengan Kerajaan atau pertukaran skop kerja yang tidak lagi melibatkan transaksi iSPEKS akan ditamatkan capaian kepada sistem.

Proses-proses dalam pentadbiran pengguna iSPEKS di atas perlu dilakukan melalui prosedur yang ditetapkan di Perkara 2.4.

2.3.2	ID Pengguna	iSPEKS menggunakan No. Kad Pengenalan individu sebagai ID Pengguna untuk mengakses masuk ke dalam sistem. Pentadbir sistem di Perbendaharaan Negeri perlu memastikan hanya No. Kad Pengenalan digunakan dalam pendaftaran pengguna.
2.3.3	Kata Laluan	Penetapan Kata Laluan Pengguna perlu mematuhi perkara-perkara berikut: (a) Kombinasi aksara, angka dan aksara khas. (b) Panjang (*length*) minimum kata laluan adalah 12 aksara. (c) Pencegahan penggunaan semula empat (4) kata laluan terakhir. (d) Kata laluan hendaklah berlainan daripada pengenalan identiti pengguna.
2.3.4	Kerahsiaan Identiti	Pengguna adalah bertanggungjawab dalam setiap masa untuk merahsiakan ID Pengguna dan Kata Laluan. Tiada perkongsian ID Pengguna yang dibenarkan dalam iSPEKS.
2.3.5	Dua-Faktor Pengesahan	Kawalan keselamatan tambahan dilaksanakan ke atas kelulusan transaksi kewangan yang kritikal seperti pembayaran. Kawalan keselamatan melalui Dua-Faktor Pengesahan diberikan kepada pegawai yang berperanan sebagai Penyemak dan Pelulus dengan menggunakan sijil tandatangan digital *Public Key Infrastructure* (PKI).
2.3.6	Bilangan Cubaan Log Masuk	Akaun Pengguna iSPEKS akan disekat apabila cubaan untuk log masuk melebihi daripada bilangan yang ditetapkan. Minimum bilangan cubaan log masuk yang dibenarkan adalah tiga (3) kali dalam sehari.

2.3.7	Penetapan Semula Kata Laluan	Tempoh penggunaan sesuatu kata laluan ialah 90 hari. iSPEKS akan melaksanakan penetapan semula kata laluan secara paksaan selepas tempoh tersebut.
2.3.8	Pengaktifan Profil Pengguna	Pengaktifan profil pengguna melibatkan pendaftaran pengguna baharu atau pengaktifan semula pengguna sedia ada yang disekat dalam iSPEKS. Pengguna akan menerima emel notifikasi beserta pautan untuk langkah pengaktifan seterusnya.
2.3.9	Sekatan Capaian Pengguna	Pengguna akan disekat daripada log masuk ke iSPEKS berdasarkan kepada perkara-perkara berikut: (a) Tidak aktif atau tiada aktiviti log masuk dalam tempoh 30 hari. (b) Bertukar Jabatan, meninggal dunia atau tamat perkhidmatan. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memaklumkan kepada Perbendaharaan Negeri sekiranya terdapat pengguna iSPEKS yang bertukar Jabatan, meninggal dunia atau tamat perkhidmatan. (c) Melepasi bilangan cubaan yang dibenarkan bagi aktiviti log masuk dan menjawab soalan keselamatan. (d) Disekat secara manual oleh Pentadbir Sistem atas arahan Ketua Jabatan, Pihak Berkuasa atau pihak yang diberi tanggungjawab untuk mengawal keselamatan data kewangan dan perakaunan negeri.
2.3.10	Maklumat Log Masuk	Sebagai kawalan keselamatan individu, pengguna iSPEKS perlu peka kepada tarikh dan masa terakhir log masuk ke dalam iSPEKS yang dipaparkan dalam iSPEKS. Pengguna perlu melaporkan kepada Ketua PTJ, Ketua Jabatan atau Perbendaharaan Negeri sekiranya terdapat maklumat log masuk yang mencurigakan.
2.3.11	Soalan Keselamatan	Soalan keselamatan digunakan sebagai kemudahan untuk Pengguna menetapkan semula Kata Laluan. Pengguna perlu memilih soalan keselamatan dan mengunci masuk jawapan ketika proses pengaktifan ID Pengguna.
2.3.12	Bilangan Cubaan Soalan Keselamatan	Penetapan semula kata laluan oleh Pengguna boleh dilakukan oleh pengguna sendiri melalui kemudahan yang disediakan dalam iSPEKS. Pengguna perlu menjawab soalan keselamatan yang telah ditetapkan dalam proses pengaktifan ID Pengguna. Polisi tetapan soalan keselamatan adalah seperti berikut: (a) Pengguna perlu menyediakan jawapan kepada tiga (3) soalan keselamatan semasa proses pengaktifan pengguna. (b) Pengguna perlu menjawab satu (1) soalan keselamatan dengan tepat semasa proses penetapan semula kata laluan. (c) Minimum bilangan cubaan menjawab soalan keselamatan yang dibenarkan ialah adalah tiga (3) kali dalam sehari.

2.3.13	Pengasingan Tugasan dan Peranan	Pada dasarnya, pengguna iSPEKS tidak dibenarkan memiliki lebih dari satu peranan seperti yang dinyatakan dalam Perkara 2.2. Walaubagaimanapun, atas faktor-faktor tertentu, peranan seseorang pengguna boleh diperluaskan dengan syarat mematuhi peraturan dan pekeliling kewangan Kerajaan yang berkuat kuasa dan mendapat kelulusan khas daripada Pemegang Waran Peruntukan.
2.3.14	Penggunaan Emel Rasmi Pengguna	Pengguna wajib memiliki akaun emel rasmi Jabatan sebagai pra-syarat kepada pendaftaran pengguna di iSPEKS. Emel rasmi ini bertujuan sebagai kawalan keselamatan bagi faktor kedua pengesahan (*what you have*) untuk proses pengaktifan pengguna. Penggunaan emel rasmi dalam pendaftaran pengguna adalah tertakluk kepada perkara berikut: (a) Akaun emel yang didaftarkan adalah akaun rasmi milik pengguna. (b) Perkongsian emel adalah tidak dibenarkan. (c) Penggunaan akaun emel umum Jabatan adalah tidak dibenarkan. (d) Penggunaan emel selain domain rasmi Kerajaan adalah tidak dibenarkan.
2.3.15	Capaian Pengguna	Capaian pengguna merujuk kepada kawalan melaksanakan transaksi kewangan yang meliputi perkara-perkara berikut: (a) Jabatan yang akan dicaj bagi transaksi kewangan; (b) PTJ yang akan dicaj bagi transaksi kewangan; (c) Peringkat yang ditentukan oleh sesuatu proses iaitu PTJ, Jabatan, Bendahari atau Pegawai Kewangan Negeri; (d) Peranan yang ditentukan oleh sesuatu proses seperti di Perkara 2.2; dan (e) Senarai Modul beserta Proses yang diluluskan kepada pengguna.
2.3.16	Pengurusan Tugasan	Pengurusan tugasan pengguna meliputi perkara-perkara berikut: (a) Terdapat *dashboard* pengguna yang memaparkan senarai tugasan belum selesai (*pending tasks*) dan tugasan yang belum diambil (*unassigned tasks*); (b) Satu tugas boleh diselesaikan oleh seorang pengguna sahaja dalam satu masa; dan (c) Pentadbir PTJ boleh melepaskan tugasan yang telah diambil oleh seseorang pengguna untuk disenaraikan semula dalam tugasan yang belum diambil.

2.3.17 Entiti dalam Pentadbiran Pengguna

Entiti dalam pentadbiran Pengguna iSPEKS adalah seperti berikut:

BIL	ENTITI	KETERANGAN
(a)	Pengguna	Pengguna akhir yang dibenarkan mengakses masuk ke dalam iSPEKS mengikut Capaian yang diluluskan.
(b)	Pemegang Waran Peruntukan	Pemegang Waran Peruntukan atau pegawai yang diturunkan kuasa seperti dalam SPANM Bilangan 6 Tahun 2018 yang mempunyai kuasa untuk meluluskan permohonan penggunaan iSPEKS.
(c)	Bendahari Negeri	Bendahari Negeri, Akauntan Negeri atau pegawai yang diturunkan kuasa untuk mengesahkan permohonan penggunaan iSPEKS.
(d)	Pentadbir PTJ	Ketua PTJ atau wakil yang diberi kebenaran untuk menguruskan tugasan dalam iSPEKS dan mewakili pengguna untuk menguruskan permohonan sekatan atau penamatan ID.
(e)	Pentadbir Sistem	Pentadbir Sistem di Perbendaharaan Negeri yang diberi kebenaran untuk mengunci masuk atau mengemas kini maklumat pengguna yang telah diluluskan.

2.3.18 Kelulusan Pemegang Waran Peruntukan

Setiap permohonan pendaftaran pengguna baharu, pengemaskinian maklumat dan penamatan ID Pengguna perlu mendapat kelulusan Pemegang Waran Peruntukan seperti yang dinyatakan dalam SPANM Bilangan 6 Tahun 2018.

Dengan memberi kelulusan sama ada dengan menandatangani borang manual atau kemudahan sistem, Pemegang Waran Peruntukan adalah memperakukan bahawa permohonan pengguna adalah mematuhi peraturan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa. Oleh itu, salinan dokumen sokongan seperti surat arahan bertugas tidak perlu disertakan dalam borang permohonan.

2.4 Prosedur Pentadbiran Pengguna iSPEKS

Bahagian ini menerangkan prosedur yang perlu dipatuhi dalam pentadbiran pengguna iSPEKS. Maklumat prosedur yang berkaitan adalah seperti berikut:

2.4.1 Pentadbiran Profil Utama Pengguna iSPEKS

Prosedur ini adalah terpakai bagi proses pentadbiran profil utama pengguna iaitu:

BIL	PROSEDUR	RUJUKAN
(i)	Pendaftaran Pengguna Baharu	Lampiran 1A (1).
(ii)	Pengemaskinian Maklumat Pengguna	Lampiran 1A (1).
(iii)	Penamatan Profil Pengguna	Lampiran 1A (1).

2.4.2 Pengaktifan Profil Pengguna

Prosedur pengaktifan profil pengguna ini terpakai bagi proses-proses berikut:

BIL	PROSEDUR	RUJUKAN
(i)	Pengaktifan Profil Pengguna (Log Masuk Kali Pertama)	Lampiran 1B (1).

2.4.3 Sekatan Profil Pengguna

Prosedur sekatan profil pengguna ini terpakai bagi proses-proses berikut:

BIL	PROSEDUR	RUJUKAN
(i)	Sekatan Profil Pengguna (Melebihi Bilangan Cubaan Kata Laluan dan Soalan Keselamatan).	Lampiran 1C (1).
(ii)	Sekatan Profil Pengguna (Tidak Aktif dalam Tempoh yang Dibenarkan).	Lampiran 1C (2).
(iii)	Sekatan Profil Pengguna (Arahan Sekatan)	Lampiran 1C (3).

2.4.4 Nyah Aktif Profil Pengguna

Prosedur nyah aktif profil pengguna ini terpakai bagi proses-proses berikut:

BIL	PROSEDUR	RUJUKAN
(i)	Nyah Aktif Profil Pengguna (Tamat Perkhidmatan atau Bukan Lagi Pengguna iSPEKS).	Lampiran 1D (1).

2.4.5 Penetapan Semula Kata Laluan

Prosedur penetapan semula kata laluan pengguna ini terpakai bagi proses-proses berikut:

BIL	PROSEDUR	RUJUKAN
(i)	Penetapan semula kata laluan.	Lampiran 1E (1).

3.0 PEGAWAI PERHUBUNGAN

Senarai perhubungan bagi penyelaras dan pelaksanaan polisi dan prosedur pentadbiran pengguna iSPEKS adalah seperti berikut:

3.1 Penyelaras Pentadbiran Pengguna iSPEKS

BKP JANM adalah penyelaras kepada penetapan dasar, pelaksanaan polisi dan prosedur pentadbiran pengguna iSPEKS. Senarai perhubungan pegawai bertanggungjawab di peringkat penyelaras di BKP adalah seperti di **Lampiran 2A**.

3.2	Pelaksanaan Pentadbiran Pengguna iSPEKS	Pentadbir sistem di Perbendaharaan Negeri bertindak sebagai pelaksana polisi dan prosedur pentadbiran pengguna iSPEKS. Senarai perhubungan pegawai bertanggungjawab di peringkat Perbendaharaan Negeri adalah seperti di **Lampiran 2B**.

4.0 PENUTUP

Dokumen Polisi dan Prosedur Keselamatan iSPEKS ini adalah *living document*. Isi kandungan dokumen akan dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Dokumen ini juga memberi panduan kepada Perbendaharaan Negeri untuk menetapkan parameter polisi keselamatan dan pentadbiran pengguna dalam iSPEKS yang selari dengan dokumen setara di Kerajaan Negeri sekiranya terdapat percanggahan.

LAMPIRAN 1A
PROSEDUR PENTADBIRAN PROFIL UTAMA PENGGUNA iSPEKS

PROSEDUR PENTADBIRAN PROFIL UTAMA PENGGUNA


Prosedur ini adalah terpakai bagi proses pentadbiran profil utama pengguna iaitu:


(a) Pendaftaran pengguna baharu.

(b) Pengemaskinian maklumat pengguna yang meliputi perkara-perkara berikut:
- (i) Pindaan data peribadi pengguna;
- (ii) Kemas kini status pengguna (aktif atau tidak aktif);
- (iii) Pindaan nilai Had Kelulusan. Terma Had Kelulusan merujuk kepada nilai yang dibenarkan bagi seseorang Pelulus untuk meluluskan transaksi kewangan; dan
- (iv) Pengurusan Capaian pengguna meliputi penambahan Capaian baharu, nyah aktif Capaian sedia ada atau pengktifan semula Capaian tidak aktif (rujuk Perkara 2.3.15 bagi keterangan lanjut maklumat Capaian).

(c) Penamatan ID Pengguna. Pengguna yang tidak lagi berkhidmat dengan Kerajaan atau pertukaran skop kerja yang tidak lagi melibatkan transaksi iSPEKS akan ditamatkan capaian kepada sistem.

BIL	ENTITI	KETERANGAN	CARTA ALIR
1	Pengguna	Pengguna di PTJ mengisi Borang Pentadbiran Pengguna iSPEKS. Contoh borang permohonan adalah seperti di **Lampiran 3.**	
2	Pegawai Pengawal	Pegawai Pengawal meluluskan permohonan dan memperaku maklumat yang dibekalkan dalam borang permohonan adalah sepadan Capaian dan Had Kelulusan yang dibenarkan kepada Pengguna. Permohonan yang lengkap dan telah disahkan akan dihantar ke Perbendaharaan Negeri.	



		Bendahari Negeri menyemak dan mengesahkan permohonan berdasarkan Capaian dan Had Kelulusan mengikut keperluan pengguna.	
3	Pentadbir Sistem	Pentadbir Sistem di Perbendaharaan Negeri mengunci Masuk atau mengemaskini maklumat pengguna berdasarkan borang permohonan.	
4	Sistem	iSPEKS mendaftar atau mengemaskini maklumat pengguna yang telah disahkan ke dalam sistem.	


LAMPIRAN 1B
PROSEDUR PENGAKTIFAN PROFIL PENGGUNA (LOG MASUK KALI PERTAMA)

PROSEDUR PENGAKTIFAN PROFIL PENGGUNA

Prosedur ini adalah terpakai bagi proses pengaktifan profil pengguna iaitu:

(i) Pengaktifan Profil Pengguna (Log Masuk Kali Pertama)

BIL	ENTITI	KETERANGAN	CARTA ALIR
1	Pengguna	Log masuk ke dalan iSPEKS menggunakan kata laluan sementara yang dijana oleh sistem dan dihantar melalui emel rasmi Pengguna.	
2	Pengguna	Pengguna menukar kata laluan.	
3	Pengguna	Pengguna melengkapkan soalan keselamatan.	
4	Sistem	iSPEKS akan log keluar pengguna secara paksa setelah kata laluan dan soalan keselamatan ditetapkan.	
5	Pengguna	Pengguna perlu log masuk semula ke dalam iSPEKS.	




LAMPIRAN 1C (1)
PROSEDUR SEKATAN PROFIL PENGGUNA (MELEBIHI BILANGAN CUBAAN KATA LALUAN DAN SOALAN KESELAMATAN)

PROSEDUR SEKATAN PROFIL PENGGUNA

Prosedur ini adalah terpakai bagi proses sekatan profil pengguna iaitu:

(i) Sekatan Profil Pengguna (Melebihi Bilangan Cubaan Kata Laluan dan Soalan Keselamatan)

BIL	ENTITI	KETERANGAN	CARTA ALIR
1	Pengguna	Pengguna memasukkan kata laluan atau soalan keselamatan melebihi bilangan cubaan yang dibenarkan.	
2	Sistem	Sistem menyemak bilangan cubaan kunci masuk kata laluan atau jawapan kepada soalan keselamatan. Sistem akan memaparkan bilangan cubaan oleh pengguna dan baki cubaan yang dibenarkan.	
3	Sistem	Jika jawapan bilangan cubaan telah melebihi had yang dibenarkan, sistem akan sekat akses pengguna ke iSPEKS.	




LAMPIRAN 1C (2)
PROSEDUR SEKATAN PROFIL PENGGUNA (TIDAK AKTIF DALAM TEMPOH YANG DIBENARKAN)

PROSEDUR SEKATAN PROFIL PENGGUNA

Prosedur ini adalah terpakai bagi proses sekatan profil pengguna iaitu:

(ii) Sekatan Profil Pengguna (Tidak Aktif dalam Tempoh yang Dibenarkan)

BIL	ENTITI	KETERANGAN	CARTA ALIR
1	Sistem	Sistem mengira bilangan hari tidak aktif pengguna secara harian. Proses kiraan dilaksanakan setiap hari secara automatik pada waktu malam. Sistem akan menyekat profil pengguna pada hari ke-31 sekiranya pengguna tidak aktif dalam tempoh 30 hari secara berturutan.	
2	Sistem	Jika bilangan hari tidak aktif pengguna melebihi tempoh yang dibenarkan, sistem akan sekat akses pengguna ke iSPEKS.	




LAMPIRAN 1C (3)
PROSEDUR SEKATAN PROFIL PENGGUNA (ARAHAN SEKATAN)

PROSEDUR SEKATAN PROFIL PENGGUNA

Prosedur ini adalah terpakai bagi proses sekatan profil pengguna iaitu:

(iii) Sekatan Profil Pengguna (Arahan Sekatan)

BIL	ENTITI	KETERANGAN	CARTA ALIR
1	Pentadbir Sistem	Pentadbir Sistem melaksanakan sekatan pengguna dalam iSPEKS berdasarkan kepada arahan sekatan yang diterima secara rasmi (surat atau emel) daripada Pengawai Pengawal atau pihak yang diberi kuasa.	
2	Sistem	Sistem mengemaskini maklumat pengguna yang disekat.	




LAMPIRAN 1D
PROSEDUR NYAH AKTIF PROFIL PENGGUNA (TAMAT PERKHIDMATAN ATAU BUKAN LAGI PENGGUNA iSPEKS)

PROSEDUR NYAH AKTIF PROFIL PENGGUNA

Prosedur ini adalah terpakai bagi proses sekatan profil pengguna iaitu:

(i) Nyah Aktif Profil Pengguna (Tamat Perkhidmatan atau Bukan Lagi Pengguna iSPEKS)

BIL	ENTITI	KETERANGAN	CARTA ALIR
1	Wakil Jabatan	Pegawai Pengawal atau wakil Jabatan menghantar permohonan melalui borang seperi di **Lampiran 2** untuk nyah aktif profil pengguna kerana tamat perkhidmatan, meninggal dunia atau pengguna tidak lagi mempunyai peranan dalam iSPEKS.	
2	Pentadbir Sistem	Pentadbir sistem mengemaskini maklumat pengguna yang perlu dinyah aktif.	

LAMPIRAN 1E
PROSEDUR PENETAPAN SEMULA KATA LALUAN

PROSEDUR PENETAPAN SEMULA KATA LALUAN PENGGUNA

Prosedur ini adalah terpakai bagi proses penetapan semula kata laluan pengguna:

(i) Penetapan Semula Kata Laluan

BIL	ENTITI	KETERANGAN
1	Pengguna	Pengguna menukar kata laluan melalui kemudahan yang disediakan di iSPEKS.
2	Pengguna	Pengguna membekalkan jawapan kepada soalan keselamatan. Pengguna perlu menjawab satu (1) soalan keselamatan dengan tepat.
3	Sistem	Sistem menyemak jawapan kepada soalan keselamatan. Sekiranya jawapan tidak tepat, sistem akan membenarkan cubaan semula untuk menjawab soalan keselamatan sehingga had cubaan yang dibenarkan.
4	Pengguna	Jika jawapan kepada soalan keselamatan adalah tepat, pengguna menetapkan kata laluan yang baru
5	Sistem	Jika jawapan kepada soalan keselamatan adalah tidak tepat dan melepasi had bilangan cubaan, profil pengguna akan disekat.

CARTA ALIR



LAMPIRAN 2A
SENARAI PERHUBUNGAN PENYELARAS DI BKP JANM

Senarai Perhubungan Penyelaras Pentadbiran Pengguna iSPEKS di Bahagian Khidmat Perunding, JANM

NAMA PEGAWAI	EMEL	NO TEL
Muhammad Azhar Fairuzz Hiloh Ketua Modul (Teknikal)	azhar@anm.gov.my	03-88869849
Mohammad Zulhilmi Bin Ahmad Hisham Pemilik Modul (SAM)	zulhilmi.hisham@anm.gov.my	03-88869607

LAMPIRAN 2B
SENARAI PERHUBUNGAN PELAKSANAAN DI PERBENDAHARAAN NEGERI

Senarai Perhubungan Penyelarasan dan Pelaksanaan Pentadbiran Pengguna iSPEKS di Sebelas Kerajaan Negeri

BENDAHARI NEGERI (Teknikal)	EMEL	NO TEL
JOHOR		
Norliana Binti Ab. Rahim	norliana.rahim@johor.gov.my	07-2667145
Ungku Nurshahidah Ungku Abdul Rahim	shahidah@johor.gov.my	07-2667144
Nurzamie Bin Muktati	zamie@johor.gov.my	07-2667153
Mohammed Satipiddin Safid Bin Hamzah	satippiddin@johor.gov.my	07-2667143
KEDAH		
Nor Iqwarni Binti Che Baharom	iqwarni@kedah.gov.my	04-7027736
Mohd Azizul Hakim Bin Mohamad Radzali	azizulhakim@kedah.gov.my	04-7027761
Muhammad Hanif Bin Hashim	hanif@kedah.gov.my	04-7027761
KELANTAN		
Norshafini Binti Saidan	shafini@kelantan.gov.my	09-7474171
Muhammad Shukri Bin Kamaruddin	shukpptm@kelantan.gov.my	09-7481957 samb. 4120
Ahmad zamakhsyari bin zainuddin	zamakhsyari@kelantan.gov.my	097481957 samb. 4140
MELAKA		
Nora Binti Mokhtar	noramokhtar@melaka.gov.my	06-2307599
Hazel Bazlila Binti Hamdan	hazel@melaka.gov.my	06-2307464
NEGERI SEMBILAN		
Noor Haslinda Binti Hamdan	lindahamdan@ns.gov.my	06-765 9402
Khanittha A/P Tawoon	nursoleha@ns.gov.my	06-765 9745
Nursoleha Binti Nawawi	khanittha@ns.gov.my	06-7659745
PAHANG		
Salmizan Binti Ismail	salmizan@pahang.gov.my	09-5126846
Norainawati Binti Mat Jali	norainawati@pahang.gov.my	09-5126846
PULAU PINANG		
Refnaldy Bin Azuardi	refnaldy@penang.gov.my	04-2623505
Kosong		
PERAK		
Ahmad Nazmi Bin Nadzri	anazmi@perak.gov.my	05-5225033
Norazlin binti Ahama	aazlin@perak.gov.my	05-2095046
Salina binti Mamat	salinamamat@perak.gov.my	05-5225045
PERLIS		
Muhammad Hafiz Bin Razi	hafiz.razi@perlis.gov.my	04-9731821
Zaironnie Erman Bin Zainol Abidin	zaironniie@perlis.gov.my	04-9702241
SELANGOR		
Zulhilmi Bin Che Azizan	zulhilmi@selangor.gov.my	03-55447223
Nazihah Bt Abd Rahman	nazihah@selangor.gov.my	03-55447229
TERENGGANU		
Mohd Hafiz Zazlin bin Zainudin	mohdhafiz@terengganu.gov.my	09-6276259
Noor Aida Binti Zakaria	aida@terengganu.gov.my	09-6276547
Fatimah Binti Mohamad Ali	fmay@terengganu.gov.my	09-6276268

LAMPIRAN 3A

PANDUAN BORANG PENTADBIRAN PENGGUNA iSPEKS

1.0 PENGENALAN

1.1 Tujuan Dokumen

Dokumen ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pengguna berkaitan dengan tatacara pentadbiran pengguna dalam pelaksanaan Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS).

1.2 Terma Rujukan

Penerangan terma-terma yang digunakan dalam dokumen ini adalah seperti berikut:

1.2.1	iSPEKS	Merujuk kepada Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri yang digunakan untuk menguruskan kewangan dan perakaunan Kerajaan Negeri.
1.2.2	Pemegang Waran Peruntukan	Pemegang Waran Peruntukan, Pegawai Pengawal, Ketua Jabatan atau pegawai di Jabatan yang diberi kuasa seperti dalam SPANM Bilangan 6 Tahun 2018 untuk meluluskan pentadbiran pengguna.
1.2.3	PKN	Pegawai Kewangan Negeri
1.2.4	BN	Bendahari Negeri atau Pegawai di Perbendaharaan Negeri yang diturunkan kuasa.
1.2.5	PTJ	Pusat Tanggungjawab
1.2.6	Pentadbir PTJ	Ketua PTJ atau wakil yang diberi kebenaran untuk menguruskan tugasan dalam iSPEKS dan mewakili pengguna untuk menguruskan permohonan sekatan atau penamatan ID.

1.3 Pematuhan

Pentadbiran Pengguna iSPEKS adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

1.3.1 Arahan Teknologi Maklumat 2007 (MAMPU).
1.3.2 Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 6 Tahun 2018.
1.3.3 Polisi dan Prosedur Pentadbiran Pengguna iSPEKS.
1.3.4 Keperluan Jabatan Audit Negara dan Jabatan Audit Negeri.

2.0 PANDUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN DAN PENGEMASKINIAN CAPAIAN iSPEKS

Permohonan pendaftaran pengguna baharu dan pengemaskinian maklumat capaian pengguna sedia ada iSPEKS hendaklah menggunakan Borang Pentadbiran Pengguna iSPEKS yang disediakan. Bahagian berikut menerangkan tatacara bagi permohonan berikut:

a) Pendaftaran Pengguna iSPEKS
b) Kemaskini Profil Pengguna
c) Nyah Aktif Profil Pengguna

2.1 Borang Pentadbiran Pengguna iSPEKS

Bagi memudahkan pentadbiran pengguna di peringkat PKN, BN, Jabatan dan PTJ, Borang Pentadbiran Pengguna disediakan dalam tiga (3) set yang berbeza seperti berikut:

BIL	JENIS BORANG	LAMPIRAN
1	Set Borang Pentadbiran Pengguna bagi Pengguna iSPEKS di Peringkat BN dan PKN Sahaja.	Lampiran 3A (1)
2	Set Borang Pentadbiran Pengguna bagi Pengguna iSPEKS di Peringkat PTJ dan Jabatan Sahaja.	Lampiran 3A (2)
3	Set Borang Pentadbiran Pengguna bagi Pentadbir Sistem iSPEKS Sahaja.	Lampiran 3B (1)

Permohonan pendaftaran baharu atau pengemaskinian maklumat perlulah menggunakan set borang mengikut Peringkat yang betul.

2.2 Pendaftaran Pengguna Baharu iSPEKS

Panduan umum penghantaran permohonan pendaftaran pengguna baharu iSPEKS adalah seperti berikut:

2.2.1 Penghantaran Permohonan

Pengguna perlu menghantar permohonan pendaftaran pengguna baharu iSPEKS kepada Pentadbir Sistem di Perbendaharaan Negeri dengan mematuhi perkara-perkara berikut:

(a) Melengkapkan **Borang Pentadbiran Pengguna iSPEKS**. Rujuk Perkara 2.2.2 bagi panduan mengisi borang.

(b) Menyertakan **sesalinan Kad Pengenalan** yang dipalang dengan tanda "Untuk Kegunaan iSPEKS Sahaja"

2.2.2 Panduan Mengisi Borang Pendaftaran Pengguna Baharu

Borang Pentadbiran Pengguna iSPEKS bagi **proses pendaftaran pengguna baharu hendaklah diisi sendiri oleh pengguna** dan diluluskan oleh Pemegang Waran Peruntukan. Berikut adalah keterangan setiap bahagian dalam borang untuk dijadikan panduan kepada pengguna.

(a) Bahagian I — Jenis Permohonan (**No. 1**).
Tandakan [√] pada Permohonan Baharu.

(b) Bahagian II — Maklumat Pengguna.
Lengkapkan maklumat individu dan tempat bertugas hakiki (**No. 2 hingga 18**).

Sila rujuk pada nota **RUJUKAN KOD** untuk mengisi maklumat **No. 5** dan **No. 7.**

Tandakan [√] pada **No. 19 Pentadbir PTJ** sekiranya pengguna adalah ketua PTJ atau pegawai yang mewakilinya.

(c) Bahagian III — Maklumat Capaian iSPEKS. (**No. 20**)
